

09 JAN 1999

Mahathir-Imigresen

KAKITANGAN IMIGRESEN BOLEH BANTU PULIH EKONOMI NEGARA, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Kakitangan Jabatan Imigresen boleh membantu dalam pemulihan ekonomi negara melalui layanan mesra kepada pelancong asing, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, kakitangan jabatan itu memainkan peranan penting kerana mereka adalah golongan pertama yang ditemui oleh rakyat asing yang tiba di pintu masuk ke negara ini.

"Kakitangan imigresen mempunyai first contact...mereka adalah frontliners (di barisan pertama). Apabila memberi layanan baik, pelancong asing akan mempunyai imej yang baik terhadap negara ini," katanya ketika berucap kepada kakitangan jabatan itu semasa lawatannya di sini hari ini.

Itu merupakan lawatan pertama ke jabatan itu sejak menjadi Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata beliau tertarik dan bangga dengan kempen "Service With A Smile" (Khidmat Dengan Senyuman) jabatan itu yang dilancarkan hari ini dan berharap kakitangan imigresen memberi layanan yang baik kepada pelancong asing.

"Boleh kata Welcome to Malaysia, Have a nice day, have a nice holiday. Ini akan memberi gambaran baik tentang negara kita. Layanan yang baik merupakan salah satu sebab jiran di utara kita dapat menarik pelancong yang ramai walaupun berlaku kegawatan," kata beliau.

Dr Mahathir berkata industri pelancongan negara kini terjejas akibat tindakan media asing yang menggambarkan seolah-olah Malaysia dilanda rusuhan dan demonstrasi sepanjang masa.

"Mereka sengaja gambarkan negara tidak stabil...bahaya dilawati dan seolah-olah ada peperangan. Baru-baru ini 600 pelancong Australia batalkan lawatan kerana kononnya Malaysia bahaya dilawati...ini kerana CNN, CNBC dan lain-lain tunjukkan gambar demonstrasi berkali-kali 24 jam," kata beliau.

Dr Mahathir berkata tindakan seperti itu telah menyebabkan kedatangan pelancong asing berkurangan dan pendapatan hotel, restoran dan pemandu teksi terjejas.

"Kakitangan imigresen boleh tolong dengan memberi layanan baik. Mereka boleh bagi tahu tiada masalah di sini...tiada ancaman, tiada kawasan hitam seperti dulu....seluruh Malaysia putih, boleh pergi mana-mana," kata beliau.

Dr Mahathir berkata apabila ekonomi negara pulih kelak, semua pihak termasuk kakitangan awam akan mendapat faedah dan kerajaan mampu menaikkan gaji dan elaun mereka.

-- BERNAMA

AR MAI